



Najib bersama Yin Huah serta Tiong Lai pada sesi townhall TN50 Majlis Persidangan Belia Cina Malaysia 2017 di Wisma Huazong di Kuala Lumpur, semalam.

Kuasai bahasa Melayu syarat tambah SJKC

→ Kerajaan
tiada halangan
asalkan
perpaduan dapat
ditingkat: PM

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan tiada halangan membenarkan lebih banyak sekolah jenis kebangsaan Cina (SJ-KC) dibina di negara ini tetapi perlu memenuhi beberapa keperluan terlebih dahulu, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, ia perlu mengambil kira permintaan dan keperluan serta dengan syarat penguasaan bahasa Melayu diper-



Saya mahu
SJ-KC bukan
sahaja dapat
menguasai
pendidikan
dalam bahasa
Cina saja, tetapi
penguasaan
dalam bahasa
Melayu juga. Ini
yang saya mahu
tekankan”

Najib Razak,
Perdana Menteri

tingkatkan.

Mengulangi janji bahawa SJ-KC tidak akan dipinggirkan kerajaan sedia ada, Najib berkata, Kementerian Pendidikan bersama MCA dan GERAKAN sedang membuat penelitian berhubung penambahan sekolah vernakular itu.

“Bahasa Melayu perlu dipertingkatkan penguasaannya di SJ-KC kerana ia bahasa kebangsaan. Melalui bahasa Melayu perpaduan rakyat dapat dipertingkatkan.

“Saya mahu SJ-KC bukan sahaja dapat menguasai pendidikan dalam bahasa Cina saja, tetapi penguasaan dalam bahasa Melayu juga. Ini yang saya mahu tekankan.

Bahasa Melayu teras utama

“Tidak ada masalah jika mahu lebih SJ-KC, tapi bahasa Melayu terus jadi teras utama di sekolah itu,” katanya menjawab soalan pada sesi townhall TN50 Majlis Persidangan Belia Cina Malaysia 2017 di Wisma Huazong, di sini semalam.

Yang turut hadir, Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Presiden Huazong, Tan Sri Pheng Yin Huah dan Ketua Pemuda Huazong, Datuk Ong Chong Keng.

Najib berkata, kerajaan Barisan Nasional (BN) berpegang kepada kontrak sosial yang dicapai antara kaum termasuk mengenai pembinaan sekolah vernakular.

BN, katanya, bukan seperti pembangkang yang sentiasa menjadikan isu asas berkenaan sebagai bahan politik, menyentuh perkara fundamental yang boleh membawa masalah serius dan memudaratkan negara jika diubah.

Mengenai dakwaan pemimpin pembangkang mengenai jumlah kakitangan awam terlalu ramai dan satu pembaziran, Najib berkata, Malaysia tidak seperti negara lain yang tidak mengiktiraf anggota keselamatan seperti polis dan tentera sebagai kakitangan awam.

Katanya, jumlah kakitangan yang ramai itu membabitkan sektor kri-

tikal seperti pendidikan, kesihatan serta keselamatan awam dan ia bukannya satu pembaziran.

Kekalkan keharmonian

“Kita ada 350,000 guru. Jika mahu tambah SJ-KC, kita perlukan ramai guru. Begitu juga aspek keselamatan, kita perlukan ramai polis dan tentera dan untuk kesihatan, kita masih perlukan jururawat dan doktor.

“Empat kategori pekerjaan ini membabitkan kira-kira 650,000 orang, iaitu lebih daripada separuh jumlah keseluruhan penjawat awam di negara ini,” katanya.

Mengenai isu dobi khusus untuk umat Islam, Najib berkata, beliau tidak percaya kepada pemilikan eksklusif dan rakyat perlu diberi peluang untuk memilih.

“Perlu ada pilihan, kalau kita rasa satu-satu restoran itu tidak halal, itu pilihan kita,” katanya sambil menambah, keharmonian dan perpaduan menjadi keutamaan beliau dan kerajaan.